



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SUMBANGAN TAMIL MUSLIM KEPADA
PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN TAMIL
MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PUISI-PUISI TAMIL
TRADISIONAL TERPILIH MYDEE SULTHAN DAN
S. SEENI NAINA MOHAMED**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

G MANIVANNAN A/L GOVINDAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SUMBANGAN TAMIL MUSLIM KEPADA PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN
TAMIL MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP PUISI-PUISI TAMIL TRADISIONAL
TERPILIH MYDEE SULTHAN DAN S. SEENI NAINA MOHAMED**

.

G MANIVANNAN A/L GOVINDAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 17.....(hari bulan).....09..... (bulan) 2020.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, G. MANIVANNAN AIL GOVINDAN (M20151000846) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk SUMBANGAN TAMIL MUSLIM KEPADA PERKEMBANGAN KESUSASTERAAAN TAMIL MALAYSIA : KAJIAN TERHADAP PUISI-PUISI TAMIL TRADISIONAL TERPILIH MYDEE SULTHAN DAN S. SEENI NAINA MOHAMED

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk SUMBANGAN TAMIL MUSLIM KEPADA PERKEMBANGAN KESUSASTERAAAN TAMIL MALAYSIA : KAJIAN TERHADAP PUISI-PUISI TAMIL TRADISIONAL TERPILIH MYDEE SULTHAN DAN S. SEENI NAINA MOHAMED

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAAN TAMIL) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

05.10.2020
Tarikh


Tandatangan Penyelia

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپي سي ايديتي قندريتن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: SUMBANGAN TAMIL MUSLIM KEPADA PERKEMBANGAN
KESUSASTERAAN TAMIL MALAYSIA : KAJIAN TERHADAP
PUISI - PUISI TAMIL TRADISIONAL TERPILIH MYDEESULTHAN
DAN S. SEENI NAINA MOHAMED

No. Matrik / Matric's No.: M20151000846

Saya / I : G MANIVANNAN A/L GOVINDAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 05.10.2020(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

காலத்தினாற் செய்த நன்றி சிறிதெனினும்
ஞாலத்தின் மாணப் பெரிது (குறள் :102)

Kālattinār Ceyta Nanri Ciriteṇinum
Ñālattin Māṇap Peritu (Kurāl : 102)

Sebarang bentuk bantuan, sumbangan atau nikmat yang dihulurkan pada saat yang diperlukan, walaupun sedikit atau kecil saiznya, namun nilainya lebih besar daripada dunia ini. Dengan kata-kata yang bernilai *Tiruvalluvar* itu saya memulakan ucapan penghargaan saya kepada setiap insan yang menjadi tulang belakang kepada kajian ini. Saya amat bersyukur kepada Tuhan di atas rahmat dan petunjuknya kajian ini dapat disemurnakan. Sukacitanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menawarkan Hadiah Latihan Biasiswa (HLP) kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia-penyelia saya, Prof. Madya. Dr. Samikkannu Jabamoney A/L Ishak Samuel dan Dr. Kaaminy A/P Kanapathy yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi sepanjang saya menjalankan kajian.

Saya juga mengenang budi insan-insan yang telah membantu saya dalam pengumpulan data seperti Allahyarham Dato Haji Thasleem bin Al Haj, Allahyarham Mydee Sulthan, Encik Syed Beer Muhammad dan Profesor Madya Dr. Krishnan Maniam. Jasa baik pegawai, rakan-rakan sekerja, kaunselor, kawan-kawan sejati dan anak murid sentiasa. Mereka ialah Encik Thamir Selvan Perinan, Cik Umadevi, Puan Kalaiyarasi, Puan Nagoor Bhanu, Puan Kanjana Devi, Puan Mazura, Encik Somesundram, Cik Vimala, Puan Umma, Puan Porni, Puan Kavita, anak-anak murid saya Ashwini dan Yuvaneswaran. Saya ingin merakamkan rasa terutang budi kepada kepada ibu saya Puan Sarojah Krishnamoorthy dan nenek saya Puan Tana Bakiam Raman, yang sentiasa menitipkan doa-doa demi saya dicucuri keberkatan.

Sebelum menutup bicara, saya sentiasa menghargai sumbangan setiap insan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyiapan kajian ini. Semoga dengan segala hidayat Tuhan kajian ini akan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada para pengkaji yang akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk sumbangan Tamil Muslim dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia; menganalisis unsur-unsur Islam dan budaya Tamil dalam puisi-puisi Tamil tradisional yang dihasilkan oleh Mydee Sulthan dan S. Seeni Naina Mohamed. Kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis dokumen serta teori sejarah yang dipelopori oleh Hyppolite Taine telah digunakan dalam kajian ini. Puisi-puisi terpilih daripada koleksi *Tēṇ Kūṭu* yang dihasilkan oleh S. Seeni Naina Mohamed dan *Araṅkak Kavitaikaḷ* yang dihasilkan oleh Mydee Sulthan telah digunakan sebagai sumber utama kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, Tamil Muslim telah memberi sumbangan dalam bidang percetakan akhbar dan majalah serta penulisan puisi, cerpen dan novel untuk perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Unsur-unsur Islam seperti sejarah Islam, kepimpinan Nabi Muhammad SAW dan rukun-rukun Islam telah dipaparkan dalam puisi-puisi Tamil tradisional karya Mydee Sulthan. Unsur-unsur budaya Tamil seperti bahasa, kesusasteraan dan kesenian Tamil dapat dilihat dalam puisi-puisi Tamil tradisional karya S. Seeni Naina Mohamed. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa Tamil Muslim telah memberi sumbangan dalam bidang percetakan dan penulisan karya kesusasteraan Tamil serta menggunakan unsur-unsur agama Islam dan budaya Tamil sebagai identiti bangsa Tamil Muslim dalam menghasilkan puisi-puisi Tamil tradisional Malaysia. Implikasinya, kajian ini akan membuka minda generasi muda dalam kalangan Tamil Muslim untuk meneruskan sumbangan ini demi memastikan kesusasteraan Tamil Malaysia terus berkembang.





CONTRIBUTION OF TAMIL MUSLIM SOCIETY TO THE DEVELOPMENT OF MALAYSIAN TAMIL LITERATURE: STUDIES IN SELECTED TRADITIONAL TAMIL POEMS OF MYDEE SULTHAN AND S. SEENI NAINA MOHAMED

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the form of contributions of Tamil Muslims in the development of Malaysian Tamil literature; analyzes elements of Islamic and Tamil culture in traditional Tamil poems produced by Mydee Sulthan and S. Seeni Naina Mohamed. The library study and document analysis of qualitative methods and historical theory pioneered by Hyppolite Taine were used in this study. Selected poems from the *Tēṇ Kūṭu* collection produced by S. Seeni Naina Mohamed and *Araṅkak Kavitaikaḷ* by Mydee Sulthan have been used as the main sources of this study. The findings show that Tamil Muslims have contributed in the field of newspaper and magazine printing and the writing of poems, short stories and novels for the development of Tamil Malaysia literature. Islamic elements such as Islamic history, the leadership of the Prophet Muhammad SAW and the tenets of Islam have been featured in traditional Tamil poems by Mydee Sulthan. Elements of Tamil culture such as Tamil language, literature and arts can be found in the traditional Tamil poems by S. Seeni Naina Mohamed. In conclusion, this study has shown that Tamil Muslims have contributed to the printing and writing of Tamil literature and have used elements of Islamic religion and Tamil culture as their identity in producing traditional Tamil poems. The implication is, this study will open the minds of the younger generation among Tamil Muslims to continue this contribution to ensure that Malaysian Tamil literature continues to grow.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
TRANSLITERASI	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	19
1.8 Sumber Kajian	23

1.8.1	Sumber Primer	23
1.8.2	Sumber Sekunder	24
1.9	Definisi Operasional	24
1.9.1	Sumbangan	25
1.9.2	Tamil Muslim	25
1.9.3	Kesusasteraan Tamil Malaysia	26
1.9.4	Puisi Tamil Tradisional	27
1.10	Kesimpulan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Kajian-kajian lepas	30
2.2.1	Sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil	30
2.2.2	Sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia	35
2.2.3	Masyarakat Tamil Muslim	44
2.2.4	Masyarakat Tamil Muslim Malaysia	46
2.2.5	Agama Islam	51
2.2.6	Budaya Tamil	56
2.2.7	Teori dan Kritikan Sastera	63
2.3	Kesimpulan	65

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	69
3.2	Reka bentuk Kajian	70

3.3	Kerangka Kajian	72
3.4	Kaedah Kajian	73
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	73
3.4.2	Kaedah Analisis Kandungan Teks	74
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	75
3.5.1	Pembacaan Data	76
3.5.2	Pemilihan Data	76
3.5.3	Pembahagian Data	77
3.6	Kaedah Menganalisis Data	77
3.7	Teori Kajian	78
3.7.1	Teori Sejarah	80
3.7.1.1	Hyppolite Taine Adolphe	81
3.8	Kerangka Teori	86
3.9	Kesimpulan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	88
4.2	Bentuk Sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia	89
4.2.1	Percetakan Akhbar dan Majalah	90
4.2.2	Penulisan Puisi	97
4.2.3	Penulisan Cerpen	106
4.2.4	Penulisan Novel	114
4.2.5	Kesimpulan	118

4.3	Unsur-unsur agama Islam dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih Mydee Sulthan	121
4.3.1	Sejarah Tamadun Islam	124
4.3.2	Kepimpinan Nabi Muhammad SAW	131
4.3.3	Rukun-rukun Islam	153
4.3.3.1	Mungucap dua Kalimah Syahadah	155
4.3.3.2	Mendirikan solat lima waktu	157
4.3.3.3	Menunaikan puasa sebulan	160
4.3.3.4	Mengerjakan zakat	171
4.3.3.5	Menunaikan Haji	175
4.3.4	Kesimpulan	179
4.4	Unsur-unsur budaya Tamil dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih S. Seeni Naina Mohamed	181
4.4.1	Bahasa Tamil	189
4.4.1.1	Keunikan bahasa Tamil	192
4.4.1.2	Kekayaan bahasa Tamil	199
4.4.1.3	Signifikasi bahasa Tamil	204
4.4.2	Kesusasteraan Tamil	213
4.4.2.1	Keunikan kesusasteraan Tamil	216
4.4.2.2	Kekayaan kesusasteraan Tamil	218
4.4.2.3	Signifikasi kesusasteraan Tamil	226
4.4.2.4	Menghargai sumbangan tokoh-tokoh sastera Tamil	231
4.4.3	Kesenian Tamil	237
4.5	Kesimpulan	241



BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	243
5.2	Perbincangan dapatan kajian	244
5.3	Cadangan	254
5.4	Penutup	257

RUJUKAN	259
----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1.1	Jumlah antologi puisi yang dihasilkan dari tahun 1887 hingga 2000	43
-----	---	----

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian	43
2.1 Kerangka Teori	57



TRANSLITERASI

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACTRICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஒ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஔ	:	<i>au</i>

CONSONANTS

க	:	<i>k</i>	ங	:	<i>ṅ</i>	ய	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ர	:	<i>r</i>
ட	:	<i>ṭ</i>	ண்	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>l</i>
த்	:	<i>t</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ்	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan pengenalan kepada kajian ini yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber kajian, definisi operasional dan rumusan. Melalui bab ini, rangka luaran kajian ini akan dapat diteliti.

Perkembangan kesusasteraan merupakan pelengkap kepada perkembangan bahasa (Ramaiah, 2008). Kesusasteraan boleh dikatakan satu refleksi sosial yang wujud sejak lahirnya tamadun dan peradaban manusia (Iraiyarasan, 1997). Dalam tamadun India,





kesusasteraan mempunyai pengaruh kuat dalam kalangan intelektual dan mereka disanjudi pemerintah sehingga mereka mempunyai status tinggi dalam hirarki sosial. Perkara ini jelas dilihat sejak *zaman Caṅkam* pada abad ke-3 sebelum masihi. Perkembangan kesusasteraan Tamil dikatakan telah bermula pada zaman ini (Murasu Nedumaran, 1997). Para pemerintah India didapati mempunyai hubungan dengan negara-negara lain sejak zaman *Caṅkam*. Hubungan tersebut menjadi landasan kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di dunia (Murasu Nedumaran, 1997).

Kajian ini bertumpu kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia yang mempunyai sejarah lebih kurang 130 tahun. Pelbagai pihak yang telah menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Golongan Tamil Muslim juga tidak boleh dilupakan dalam arus perkembangan tersebut. Walaupun mereka menganuti agama Islam tetapi semangat cinta terhadap bahasa Tamil menggalakkan mereka menyumbang kepada kesusasteraan Tamil khususnya di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Zaman Caṅkam menjadi titik permulaan perkembangan bahasa kesusasteraan Tamil. Zaman ini terdiri daripada tiga peringkat iaitu *Talai Caṅkam*, *Iṭai Caṅkam* dan *Kaṭai Caṅkam* yang bermaksud zaman pertama, zaman pertengahan dan zaman akhir. Sejarah kesemua zaman ini boleh diperoleh dari *Iṟaiyaṇar Kaḷaviyalurai* yang ditulis oleh





Nakkīrar (Murasu Nedumaran, 1997). Walaupun terdapat percanggahan maklumat mengenai sejarah zaman *Caṅkam*, ramai tokoh Tamil telah membentuk asas yang kuat kepada perkembangan kesusasteraan Tamil. Akan tetapi, banyak karya sastera telah dihanguskan oleh peredaran masa. Hanya tinggal *Pattuppāṭṭu*, *Eṭṭuttokai* dan *Patineṅkīl Kaṇakku* yang dihayati sebagai kesusasteraa Tamil klasik (Iraiyarasan, 1997). Kesemua karya tersebut telah menggambarkan kekayaan Tamil Nadu, kemasyuran pemerintah, tamadun orang Tamil dari segi kehidupan, kebudayaan dan keagamaan (Murasu Nedumaran, 1997).



05 Cōlā dan Pāṇṭiya (Murasu Nedumaran, 1997). Selain menjadi pemerintah yang baik mereka memainkan peranan penting dalam memelihara dan mengembangkan bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil. Penjajahan mereka telah merosot setelah kebangkitan *Kaḷappirar* pada tahun 250 masihi. Walaupun zaman *Kaḷappirar* disifatkan zaman gelap Tamil Nadu tetapi usaha-usaha memelihara kesusasteraan Tamil telah diteruskan (Murasu Nedumaran, 1997). *Pallavā* telah mengambil alih pemerintahan Tamil Nadu dari *Kaḷappirar* pada tahun 575 masihi dan terus mengembangkan kesusasteraan Tamil sehingga *Cōlā* bangkit semula sebagai kuasa besar. Kebangkitan semula *Cōlā* telah menarik perhatian para sejarahwan dunia kerana perluasan empayarnya di Asia Tenggara seperti Kedah, Langkasuka, Sri Vijaya, dan Kepulauan Nikobar (Murasu Nedumaran, 1997).





Pemerintahan raja-raja Tamil telah merosot secara berperingkat setelah kebangkitan para pemerintah Muslim dari bahagian Utara India. Ketua angkatan tentera Sultan Alaudin Kilji Yathav di Delhi iaitu Malik Kapoor telah menyerang *Maturai* di India Selatan pada tahun 1311 (Murasu Nedumaran, 1997). Penyerangan tersebut telah berjaya kerana pergolakan dalaman yang berlaku dalam kalangan pemerintah *Maturai*. Walaupun Malik Kapoor telah mengisytiharkan takhta kepada pemerintah tempatan, namun peristiwa tersebut secara tidak langsung telah mempengaruhi penyebaran Islam di India Selatan (Balasubramaniam & Sethupathy, 2010). Selain itu, terdapat juga sumber yang menyatakan bahawa Islam hadir ke India Selatan sekitar awal abad ke-7 semasa Nabi Muhammad SAW sedang menyebarkannya di Semenanjung Arab (Yunush Ahamed Mohamed Sherif, 2014). Kebetulan, para pedagang di Tamil Nadu, India mempunyai hubungan perdagangan dengan negara-negara lain di dunia termasuk Arab. Senario ini mungkin mempengaruhi kebanyakan pedagang India yang berdagang di Arab untuk memeluk agama Islam. Di India Selatan, penyebaran agama Islam dilakukan melalui aktiviti dakwaan wali-wali Sufi. Tiada paksaan dilakukan seperti kawasan-kawasan lain di India. Hal ini kerana, Tamil Nadu tidak pernah dikuasai sepenuhnya oleh pemerintah Islam kecuali Tipu Sultan (Yunush Ahamed Mohamed Sherif, 2014).

Orang Tamil India Selatan yang telah memeluk agama Islam digelar sebagai Tamil Muslim. Walaupun mengikuti agama Islam, cinta terhadap bahasa Tamil serta pegangan kuat terhadap pergerakan Dravidian pada awal abad ke-20, menyebabkan mereka lebih bangga digelar sebagai Tamil Muslim (Yunush Ahamed Mohamed Sherif,





2016). Hal ini menjadi bukti yang kukuh kepada kenyataan bahawa Tamil Muslim menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil dalam pelbagai cara. Kesetiaan mereka terhadap bahasa Tamil menggalakkan mereka menghasilkan pelbagai karya sastra yang terkenal.

Pada peringkat awal, mereka telah menghasilkan karya-karya yang bertemakan agama (Sayabu Maraikayar, M. 2008). Abad ke-16 hingga 19 dikatakan zaman gelap kesusasteraan Tamil kerana kekurangan penghasilan karya-karya Tamil pada masa tersebut. Perkara tersebut telah diatasi oleh para karyawan Tamil Muslim dengan menghasilkan 27 buah epik Tamil yang berunsurkan Islam (Sayabu Maraikayar, M. 2008). Pelbagai genre kesusasteraan telah dihasilkan oleh generasi penulis Tamil Muslim India Selatan. Antaranya sastra epik, sastra *Ciṟṟilakkiyaṅkaḷ*, sastra rakyat dan sastra peperangan (Balasubramaniam & Sethupathy, 2010). Antara karya yang paling penting dan agung ialah *Cīṟa purāṇam*, epik klasik yang telah ditulis oleh *Umaru Pulavar* pada abad ke-17. Epik ini menjunjung tradisi Arab dan Tamil untuk menghuraikan sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW (Sayabu Maraikayar, M. 2008).

Selain itu, sastra *Ciṟṟilakkiyaṅkaḷ* seperti *piḷḷaittamiḷ*, *antāti*, *āṟruppaṭai*, *ammāṇai* juga telah dihasilkan. *Nabināyagam piḷḷaittamiḷ*, ditulis oleh *Ceyyitu Aṇapiyā Cāgipu*, *Tiru Matīna antāti* yang ditulis oleh *Ā. Kā. Piccai Iburāgim*, *Nabi Avatāra ammāṇai* yang ditulis oleh *Kavikkaḷañciya pulavar* pada tahun 1713 merupakan antara karya-karya yang sangat terkenal (Balasubramaniam & Sethupathy 2010). Sastra rakyat





seperti *Kummi*, *Tālāṭṭu*, *Tiruppukaḷ*, *Ēsal* juga telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh sastra Tamil Muslim (Iraiyarasan, 1997).

Penulis Tamil Muslim bukan sahaja menghasilkan karya yang berunsurkan agama Islam tetapi juga menulis tentang kemakmuran Tamil Nadu dan kebesaran para pemerintah seperti *Mathuraic Caṅkattu Pulavarāṟruppadai* yang menceritakan kemasyhuran Tamil Nadu, Mathurai dan pemerintah Pandithurai Thevar (Balasubramaniam & Sethupathy 2010). Selain itu sastra peperangan juga diperkenalkan sebagai percubaan dalam kesusasteraan Tamil. Antaranya seperti *Vadōccip pōr*, *Ūsaiṇ padaip pōr* dan *Tākip padaip pōr* (Balasubramaniam & Sethupathy, 2010). Terdapat juga bentuk sastra Arab dan Parsi yang diperkenalkan seperti *Muṇasāttu*, *Kiscā*, *Macalā*, *Nāmā* (Iraiyarasan, 1997).

Justeru, Abad ke-20 boleh disifatkan sebagai era keemasan dalam kesusasteraan Tamil Islam kerana sebanyak 21 epik Tamil Islam telah dihasilkan. *Yūcukṇ Kalaikā*, *Neñcil Niṟainta Nabimaṇi*, *Nabikaḷ Nāyakam Aruṭkāppiyam* merupakan antara 12 epik yang ditulis dalam genre puisi tradisional. Manakala, *Nabipukaḷ Kāviyam*, *Aṇṇalē Yāracūlullā* adalah antara 9 epik yang ditulis dalam genre puisi moden (Balasubramaniam & Sethupathy, 2010).

Jelas di sini, bahawa Tamil Muslim India Selatan telah banyak menghasilkan karya-karya sastra Tamil demi membantu arus perkembangannya. Tradisi tersebut tidak





terikat di India Selatan sahaja malah, tersebar ke negara-negara lain seperti Sri Lanka dan Malaysia (Thandayutham, 2013). Tamil Muslim yang singgah di negara-negara tersebut telah meneruskan tradisi tersebut sehingga sekarang.

Oleh itu, adalah wajar bagi meneliti sejarah penghijrahan orang India ke Tanah Melayu. Hal ini kerana, konsep penghijrahan orang India ke Tanah Melayu berbeza dengan Tamil Muslim. Justeru, masing-masing memainkan peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Penghijrahan orang India ke Malaysia boleh dilihat menerusi tiga gelombang iaitu pada zaman Chola, zaman Kesultanan Melayu Melaka serta zaman penjajahan British (Murasu Nedumaran, 1997).



Perhubungan India Selatan dengan Malaya boleh dilihat sejak tahun 500SM. Pada peringkat awal perhubungan tersebut hanya dalam bentuk perdagangan sahaja. Lama-kelamaan hubungan tersebut berubah kepada bentuk budaya dan politik. Didapati, Raja *Pallavā* telah memulakan hubungan tersebut semasa pendudukannya di India Selatan pada 575 - 846M. Seterusnya, pendudukan empayar Rajendra *Cōlā* di Malaya dikesan di Kedah pada tahun 1025M. Pelabuhan Kedah menjadi laluan yang sangat strategik ke Indonesia dan China (Murasu Nedumaran, 1997). Secara keseluruhannya, gelombang pertama hanya menunjukkan hubungan diplomatik dan perdagangan antara India dan Malaya. Oleh kerana agama Islam belum lahir ketika itu, didapati peranan masyarakat Tamil Muslim tidak jelas dalam gelombang pertama.





Gelombang kedua pula dapat dilihat semasa zaman kesultanan Melayu Melaka. Raja Parameswara telah memulakan warisan kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-14. Didapati, beliau telah memeluk agama Islam setelah mengahwini puteri Sultan Sumatera dan digelar sebagai Sultan Iskandar Syah. Dengan itu, mulalah warisan kesultanan Islam di Melaka. Sejak itu, ramai saudagar Muslim dari India telah belayar ke Melaka untuk berdagang (Murasu Nedumaran, 1997). Di samping itu, terdapat segelintir pedagang India dari Coromandel, India Selatan yang datang ke Melaka telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan dan mewujudkan penempatan di sini. Mereka digelar sebagai Hindu peranakan atau Ceti Melaka (Wan Kamal Mujani, 2012). Pedagang Tamil Muslim pula mengadakan hubungan baik dengan sultan dan para pembesar serta menyandang jawatan-jawatan penting dalam istana (Wan Kamal Mujani, 2012). Salah seorang pahlawan Melaka iaitu Hang Tuah didapati pernah belayar ke India Selatan sebagai duta diraja dan fasih bertutur dalam bahasa Tamil dengan Raja Krishnathevarayar yang memerintah di antara tahun 1509-1529M (Murasu Nedumaran, 1997). Peristiwa ini menunjukkan bahawa bahasa Tamil telah berkembang semasa kesultanan Melayu Melaka. Walaubagaimanapun, gelombang kedua ini membuktikan bahawa masyarakat Tamil Muslim sudah mula bertapak di Tanah Melayu dan hanya berperanan dalam hal-ehwal istana serta perdagangan.

Seterusnya, zaman penjajahan British merupakan gelombang ketiga penghijrahan orang India ke Tanah Melayu. British bertapak kukuh di Tanah Melayu setelah menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786 dan di Singapura pada tahun 1819. Semasa





pendudukan British, mereka membawa ramai tenaga buruh untuk bekerja di ladang kopi, kelapa, lada, kelapa, membina jalan raya, bangunan, landasan keretapi dan sebagainya (Murasu Nedumaran, 1997). Pada tahun 1870, bilangan buruh yang dibawa ke Tanah Melayu semakin meningkat setelah pembukaan ladang-ladang getah. Golongan intelek seperti pakar perubatan, tentera, guru, pendeta, jurutera dan arkitek juga turut berhijrah ke Tanah Melayu. Kumpulan buruh yang datang pada peringkat awal telah kembali ke tanah air setelah tamat kontrak mereka. Tenaga buruh yang datang kemudian kebanyakan telah menetap di sini. Penghijrahan ini berlanjutan sehingga tahun 1938 dan memulakan budaya dan warisan Tamil di Malaysia sehingga kini (Murasu Nedumaran, 2007).



Dalam pada itu, sejarah kedatangan Tamil Muslim juga dapat dilihat dalam gelombang ketiga ini. Mereka telah datang ke Tanah Melayu untuk menjalankan perniagaan. Masyarakat India Muslim yang terawal di Pulau Pinang ialah Kader Mydin Merican bersama keluarganya yang berjaya menjadi pedagang tekstil yang disegani oleh kerajaan British (Wan Kamal Mujani, 2012). Menurut Jabatan perangkaan Malaysia pada tahun 2011, masyarakat Tamil Muslim di seluruh Malaysia telah mencatatkan bilangan sehingga 78,702 orang (Wan Kamal Mujani, 2012). Di samping perniagaan, masyarakat Tamil Muslim tidak lupa untuk mengembangkan bahasa Tamil dan kesusasteraan Tamil di negara ini.

Perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia boleh dilihat dari dua sudut masa. Perkembangan dari tahun 1887 hingga 1964 dan seterusnya dari tahun 1965 hingga kini.





Sudut masa kedua dilihat dari tahun 1965 kerana berlaku peristiwa Singapura berpisah dengan Malaysia tepat pada tahun tersebut. Selepas peristiwa tersebut, perkembangan kesusasteraan Tamil Singapura telah mempunyai identitinya sendiri. Namun, didapati kesusasteraan Tamil Singapura telah menjadi asas kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia (Murasu Nedumaran, 2007).

Perkembangan teknologi percetakan di Eropah telah membuka tirai kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di India, Sri Lanka, Malaysia dan Singapura. Masyarakat Tamil Muslim telah bergiat dalam dunia persuratan Tamil melalui perniagaan percetakan. Sejak 1870an hingga perang dunia pertama, kebanyakan syarikat penerbitan dimiliki oleh Tamil Muslim (Tschacher, T. 2013). Faktor agama tidak mempengaruhi mereka daripada menjalankan aktiviti kesusasteraan Tamil. Walaupun memberi perhatian kepada bahasa Arab tetapi mereka berusaha lebih giat untuk mengembangkan bahasa Tamil (Tschacher, T. 2013). Mereka telah berusaha untuk menggalakkan generasi muda dalam menghasilkan karya-karya Tamil. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat usaha-usaha murni golongan Tamil Muslim dalam arus perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Usaha tersebut dimulakan dengan penerbitan surat khabar Tamil sejak 1875 (Murasu Nedumaran, 1997).

Puisi tradisional merupakan genre sastra yang pertama di Malaysia. Terdapat bukti yang menyatakan bahawa pendeta Tamil yang bernama Sathasiva Pandithar telah menghasilkan koleksi empat buah buku puisi tradisional berjudul *Vaṇṇai Antāti*,





Vaṇṇainakar Ūñcal, *Cinkainakar Antāti* dan *Cittirakavikaḷ* pada tahun 1887 (Murasu Nedumaran, 2007). Koleksi tersebut dikatakan antologi puisi yang tertua di Malaysia yang diterbitkan oleh syarikat percetakan Singapura iaitu *Tiṇōtayavēntira Cālai* yang dimiliki oleh *Ciku Makatūm Cāyabu* (Thirumuruganandam, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa Tamil Muslim mempunyai peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia sejak 1887.

Selain puisi, bentuk prosa seperti novel dan cerpen juga mula berkembang di Tanah Melayu. Menurut R. Thandaayutham, novel Tamil pertama Malaysia ialah *Karuṇākaraṇ Allatu Kātalīṇ Māṭci* hasil karya Vengadarathinam pada tahun 1917 (Sababathy, 1996). Antologi cerpen yang sulung telah diterbitkan pada tahun 1930 iaitu *Navaraca Katā Maṇcari* hasil koleksi 5 buah cerpen V. Sinniah Pillai. Antologi cerpen kedua berjudul *Kaṭaiccippantikaḷiṇ Kaṇṇīr* mengumpulkan karya AMM Ibrahim pada tahun 1946. Umumnya, tema puisi, novel dan cerpen awal adalah tentang kemerdekaan India, penjajahan kuasa asing, sistem kasta dan dowri dalam perkahwinan. Latar tempat yang menggambarkan jiwa Tanah Melayu hanya bermula selepas tahun 1950 (Murasu Nedumaran, 2007).

Kesusasteraan Tamil di Malaysia berkembang dalam semua genre sastera seperti puisi tradisional dan moden, lirik lagu, epik, cerpen, novel, drama pentas dan drama radio. Antara penulis Tamil Muslim Malaysia yang mencipta puisi Tamil tradisional yang terkenal ialah K. Muhammad Yusof, Assan Ghani, K.T.M. Ikbāl, P.M. Anwar, S. Seenī





Naina Mohamed, Mydee Sulthan dan ramai lagi. Seterusnya, AMM Ibarahim, Abdul Latip, Syed Peer Muhammad dan Mydee Sulthan merupakan penulis-penulis cerpen dan juga novel Tamil (Murasu Nedumaran, 1997).

Kesusasteraan Tamil boleh dikatakan berkembang dengan pesat selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Karya-karya sastera Tamil yang berbau tempatan mula dihasilkan oleh para sasterawan tempatan (Tandayutham, 2013). Walaupun sumbangan Tamil Muslim dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia lebih ketara namun, belum ada kajian terperinci terhadapnya. Justeru, kajian ini akan memenuhi kekurangan tersebut dan membuka lembaran baru kepada kajian susulan.



1.3 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan Tamil di Malaysia boleh dikatakan memiliki sejarah perkembangan yang unggul kerana mempunyai latar belakang yang besar. Hal ini kerana, sejarah tersebut merupakan arus kesinambungan dari India. Setelah meneliti latar belakang kajian, didapati bahawa para sasterawan Tamil Muslim India Selatan mempunyai identiti yang amat besar dalam arus perkembangan kesusasteraan Tamil. Agama Islam tidak pernah menjadi halangan atau isu kepada usaha sasterawan Tamil Muslim. Malah, agama Islam telah menjadi tema yang penting kepada mereka sehingga hasil karya tersebut telah diberi identiti sebagai kesusasteraan Tamil Islam. Boleh dikatakan bahawa bahasa Tamil





menjadi tali pusat yang menyatukan mereka dalam usaha mengembangkan kesusasteraan Tamil dan juga agama Islam di India. Timbul persoalan, adakah masyarakat Tamil Muslim Malaysia menjunjung budaya seperti mana yang dilakukan oleh Tamil Muslim India ke arah perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia? Hali ini mengiring kepada perlunya kajian untuk mengetahui pengaruh dan bentuk-bentuk sumbangan golongan Tamil Muslim di Malaysia yang telah menjadi suntikan kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini.

Selain itu, golongan Tamil Muslim yang berhijrah ke Tanah Melayu terdiri daripada kategori saudagar-saudagar dan juga golongan intelektual. Oleh itu, terdapat kebarangkalian bahawa golongan yang mungkin terlibat dalam dunia kesusasteraan Tamil ialah daripada kategori tersebut. Golongan buruh terdedah kepada keperitan hidup di bawah kuasa penjajahan British dan Jepun. Mereka mungkin menggunakan sastera sebagai medium untuk meluahkan keperitan hidup akibat ancaman kuasa asing kepada umum. Manakala, golongan saudagar dan intelektual mungkin menghasilkan sesuatu karya berdasarkan ilmu yang sedia ada, pendedahan kepada dunia luar dan juga sebagai aktiviti mengisi masa lapang. Jika keadaan sedemikian, timbul persoalan mengenai tema-tema yang disentuh oleh sasterawan Tamil Muslim Malaysia dalam hasil karya mereka. Didapati tokoh-tokoh sastera Tamil Muslim di India lebih membincang tentang unsur-unsur agama Islam dalam hasil karya mereka sehingga hasil tersebut diadaptasikan ke dalam kesusasteraan Tamil sebagai kesusasteraan Tamil Islam (Varadarasan, 2008a). Senario tersebut mengungkitkan persoalan tentang tema-tema yang menjadi pokok





perbincangan dalam hasil karya sasterawan Tamil Muslim di Malaysia. Pengetahuan mengenai tema atau pemikiran sasterawan Tamil Muslim Malaysia perlu diberi perhatian supaya dapat membuat perbandingan antara kesusasteraan Tamil India dan Malaysia. Didapati, tiada kajian awal tentang tema yang digunakan dalam karya-karya kesusasteraan Tamil Muslim Malaysia sebelum ini khususnya berkaitan dengan unsur-unsur agama Islam. Adalah wajar untuk menganalisis karya-karya Tamil Muslim Malaysia supaya mendapat gambaran jelas tentang pemikiran mereka ke arah mengembangkan kesusasteraan Tamil di Malaysia.



05 menjunungi sejarah lebih kurang 130 tahun turut disertai oleh golongan Tamil Muslim.

Oleh yang demikian, peranan generasi muda dalam kalangan Tamil Muslim adalah sangat penting untuk dikaji. Hal ini kerana, segala usaha dan sumbangan mereka perlu didukung oleh generasi muda supaya dibawa ke generasi yang akan datang. Semasa mendalami tajuk kajian ini tertimbul persoalan apakah generasi muda Tamil Muslim Malaysia terlibat dalam dunia kesusasteraan Tamil untuk meneruskan arus perkembangannya. Didapati persoalan ini amat penting dikaji bagi menentukan sama ada golongan muda Tamil Muslim melibatkan diri dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia atau tidak.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini telah menentukan beberapa objektif supaya lebih berfokus. Antara objektifnya ialah:

1. Meneliti bentuk sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia.
2. Menganalisis unsur-unsur agama Islam dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih Mydee Sulthan.
3. Menganalisis unsur-unsur budaya Tamil dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih S. Seeni Naina Mohamed.



1.5 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dicetuskan bagi mencapai objektif kajian. Antara persoalan yang tercetus ialah:

1. Apakah bentuk sumbangan Tamil Muslim Malaysia kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia?
2. Apakah unsur-unsur agama Islam dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih Mydee Sulthan?





3. Apakah unsur-unsur budaya Tamil dalam puisi-puisi Tamil tradisional terpilih S. Seeni Naina Mohamed.

1.6 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, pengaruh dan sumbangan masyarakat Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia dapat dijelaskan dengan teliti. Zaman muasir ini, manusia tanpa mengira bangsa hanya mengejar masa untuk mencari kebendaan sahaja. Bahasa dan kesusasteraan menjadi perkara yang kurang penting kepada mereka khususnya generasi muda Tamil dan Tamil Muslim. Perkara ini perlu dilihat serius kerana keadaan begitu membimbangkan melihat generasi muda kini yang bersifat materialistik dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti kesusasteraan. Melalui kajian ini, bentuk-bentuk sumbangan golongan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini akan membuka mata mereka supaya melihat betapa luasnya pengaruh dan sumbangan Tamil Muslim kepada dunia kesusasteraan Tamil di negara ini. Hal ini pasti akan menyedarkan generasi kini supaya menghargai sumbangan tersebut dan melahirkan sifat cinta akan kesusasteraan Tamil serta membantu meneruskan perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Oleh yang demikian kajian ini dianggap sangat penting.





Jika diteliti lagi, kajian ini akan menjadi inspirasi kepada generasi muda Tamil Muslim yang kurang berminat dalam bidang kesusasteraan Tamil. Minda mereka akan dibuka supaya menyanjungi segala sumbangan generasi tua mereka khususnya dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Maklumat mengenai sumbangan Tamil Muslim perlu direkod supaya tidak hilang di mata sejarah. Kajian ini juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti bentuk sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini yang pasti akan menjadi suntikan motivasi kepada generasi muda Tamil Muslim negara ini. Mereka perlu akur kepada kehendak dan keperluan untuk mewarisi sumbangan generasi tua supaya tidak lenyap dan hilang identiti bangsa.



Selain itu, bahasa Tamil dianggap sebagai bahasa perantara orang India di Malaysia yang terdiri daripada orang Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi dan juga Tamil Muslim. Walaupun orang India di Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik tetapi, mereka disatukan di bawah payung yang dikenali sebagai bahasa Tamil. Tokoh-tokoh sastera Tamil di Malaysia juga berasal dari pelbagai kumpulan etnik. Terdapat pandangan yang kurang matang iaitu kesusasteraan Tamil hanya menjadi hak masyarakat Tamil sahaja. Kebarangkalian, keadaan ini yang menyebabkan generasi muda Tamil Muslim, kurang memberi tumpuan dalam bidang kesusasteraan Tamil. Mereka menganggap itu bukan bidang mereka dan tidak perlu memberi perhatian terhadapnya. Tambahan pula, bilangan sasterawan Tamil Muslim di Malaysia juga agak kurang. Semua dalam lingkungan umur yang agak tua. Keadaan menunjukkan, mereka tidak menggalakkan generasi muda untuk





menceburi bidang ini. Jika senario ini berterusan, tiada pewaris Tamil Muslim dalam kesusasteraan Tamil pada masa akan datang. Oleh yang demikian, kajian ini sangat diperlukan untuk memberi pencerahan kepada generasi muda kini dan yang akan datang bahawa kesusasteraan Tamil bersifat umum dan tidak hanya untuk masyarakat Tamil sahaja.

Seterusnya, kajian ini juga akan memberi penjelasan kepada rakyat negara ini bahawa bidang kesusasteraan Tamil bukan berasaskan agama. Hal ini kerana, pandangan ini menjadi sebagai satu kenyataan yang sukar untuk diubah dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Kemungkinan besar generasi muda Tamil Muslim mengalami keraguan dalam membezakan agama dengan aktiviti kesusasteraan Tamil kerana dipengaruhi oleh pandangan tersebut. Implikasinya, mereka kurang memberi perhatian terhadap kesusasteraan Tamil. Persepsi yang kabur ini perlu berubah kerana masyarakat pelbagai bangsa boleh menyumbang kepada kesusasteraan Tamil di negara ini. Oleh yang demikian, kajian ini akan membantu mengubahkan persepsi tersebut dan menggalakkan penglibatan semua dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Seterusnya, kesusasteraan Tamil Malaysia juga boleh diiktiraf sebagai Sastera Nasional.

Pengetahuan tentang tema dan konsep yang digunakan oleh sasterawan dalam hasil karya juga sangat penting dalam kajian mengenai kesusasteraan kerana sastera mencerminkan pemikiran penulis. Penulis melihat dunia ini melalui cermin tersebut. Justeru, adalah penting untuk meneliti tema dan konsep yang digunakan oleh sasterawan





untuk menjawab persoalan kajian ini. Menerusi latar belakang kajian ini, kita jelas bahawa pada peringkat awal para sasterawan Tamil Muslim di India ingin menyatakan kebesaran agama Islam melalui karya-karya mereka. Adalah wajar supaya menganalisis karya-karya Tamil Muslim negara ini untuk mengetahui tema dan pemikiran sebenar mereka. Melalui analisis tersebut kita boleh mengetahui anjakan paradigma yang berlaku dalam kalangan masyarakat Tamil Muslim khususnya dalam bidang kesusasteraan Tamil di negara ini.

1.7 Batasan Kajian



Perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia mempunyai sejarah lebih daripada seabad. Lingkungan masa tersebut boleh dikaji dari dua sudut iaitu sebelum 1946 dan selepas 1946 (Ramaiah, 2008). Hal ini kerana, sebelum 1946 didapati karya-karya dihasilkan oleh orang India yang berhijrah ke Tanah Melayu sebagai buruh, intelektual, pedagang dan sebagainya. Hampir kesemua karya tersebut memiliki latar belakang negara India. Selepas tahun 1946, generasi orang India yang lahir dan berpendidikan di Tanah Melayu telah mula menghasilkan karya-karya sastera Tamil (Murasu Nedumaran, 1997). Walaupun karya-karya sastera selepas tahun 1946 berbau tempatan, kajian ini dibataskan kepada hasil karya yang telah diterbitkan selepas tahun 1965. Rasionalnya, selepas Singapura berpisah dengan Tanah Melayu pada 1965, kesusasteraan Tamil Malaysia telah memperoleh identiti yang tersendiri. Oleh yang demikian, hasil karya yang asli dan





berbau tempatan sahaja sesuai dikaji memandangkan kajian ini mengenai perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Justeru, adanya keperluan untuk mengkaji sejarah mengenai sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini. Oleh yang demikian, sumbangan mereka akan dikaji sebagai rekod sejarah sejak dari peringkat awal sehingga kini. Rasionalnya, sumbangan mereka patut dicatat supaya tidak hilang di mata sejarah.

Kesusasteraan merupakan satu bidang yang sangat luas yang merangkumi penulisan, persuratan dan media massa. Bidang penulisan pula terdiri daripada pelbagai genre seperti puisi tradisional, puisi moden, novel, cerpen, drama dan sebagainya. Oleh yang demikian batasan perlu dibuat untuk menjadikan kajian ini lebih berfokus. Oleh itu, pengkaji membataskan kajian ini kepada genre puisi Tamil tradisional sahaja. Hal ini kerana, puisi Tamil tradisional merupakan genre sastera yang terawal di Malaysia serta masih popular hingga kini dengan mengekalkan nilai-nilai estetika yang aslinya. Genre puisi tradisional berkembang dengan baik walaupun genre-genre lain turut menjadi persaingan (Murasu Nedumaran, 1997). Tambahan pula, bidang puisi Tamil tradisional kurang popular dalam kalangan generasi muda. Kemungkinan besar mereka menganggap genre tersebut memiliki nilai estetika yang tinggi dan sukar untuk memahami maksudnya. Kajian ini akan memilih puisi-puisi Tamil tradisional sebagai usaha untuk mengubah tanggapan tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji membuat justifikasi bahawa puisi Tamil tradisional perlu diberi keutamaan dalam kajian ini.





Batasan juga dibuat kepada bilangan puisi Tamil tradisional untuk dianalisis dalam kajian ini. Banyak puisi Tamil tradisional yang telah dihasilkan oleh para sasterawan Tamil Muslim di negara ini. Terdapat puisi-puisi yang disiarkan melalui surat khabar dan majalah keluaran tempatan mahupun luar negara. Sebilangan puisi telah diterbitkan menjadi buku; sebilangan lagi masih belum diterbitkan. Oleh yang demikian, pengkaji telah menghadkan kajian ini kepada kumpulan puisi yang telah dibukukan. Pengkaji telah menghadapi kesulitan dalam mendapatkan koleksi puisi Tamil tradisional hasil karya Tamil Muslim. Koleksi yang berjaya diperoleh juga tidak dapat dibeli, dibuat salinan dan tidak boleh dipinjam. Keadaan koleksi tersebut juga agak usang dan sukar untuk membuat rujukan. Memandangkan situasi begini, kajian ini akan memberi keutamaan kepada dua buah koleksi puisi Tamil tradisional yang terkini iaitu *Araṅkak Kavitaikaḷ* hasil penyair Mydee Sulthan yang diterbitkan pada tahun 2002 dan *Tēṇ Kūṭu* hasil karya S. Seeni Naina Mohamed yang diterbitkan pada tahun 2011.

Seterusnya, batasan kajian merujuk kepada kumpulan sasaran kajian ini iaitu sasterawan Tamil Muslim. Masyarakat Tamil Muslim Malaysia kini terdiri daripada pelbagai kategori. Majoriti masyarakat ini melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi seperti industri pemakanan, perindustrian, perniagaan emas dan pengurusan wang. Terdapat juga yang melibatkan diri dalam politik (Azeezah Jameelah Mohamed Mohideen, 2012). Walaupun terikat dengan urusan pekerjaan, mereka masih berusaha untuk menghasilkan karya-karya sastera Tamil. Memandangkan bilangan mereka juga agak ramai, kajian ini telah menetapkan dua orang sasterawan Tamil Muslim untuk dikaji.





Seperti yang dinyatakan di atas, penyair Mydee Sulthan dan S. Seeni Naina Mohamed telah dipilih dan kumpulan puisi Tamil tradisional mereka akan menjadi sumber utama kajian ini. Justifikasi memilih dua orang penyair ini ialah, walaupun mereka memiliki latar belakang yang berbeza namun mempunyai ilmu yang tinggi dalam bahasa dan kesusasteraan Tamil. Penyair S. Seeni Naina Mohamed telah lahir dan berpendidikan awal di India dan menetap di Malaysia. Manakala Mydee Sulthan pula merupakan anak tempatan iaitu berasal dari Pulau Pinang. Mereka juga berasal dari tradisi Kelab Pelajar *Māṇavar Maṇimaṇram* di bawah tajaan akhbar *Tamil Muracu* yang dipimpin oleh editornya, Ko Sarangapani (Manonmani Devi, 2015). Ramai sasterawan Tamil yang terulung yang telah lahir di negara ini menerusi kelab tersebut dan pimpinan beliau.



05 Selain itu, Mereka juga sama-sama terlibat dalam bidang media masa. S. Seeni Naina Mohamed melibatkan diri dalam dunia percetakan dan Mydee Sulthan di media penyiaran. Oleh yang demikian, adalah wajar kedua-dua mereka disasarkan untuk kajian ini. Tambahan pula, mereka merupakan generasi penulis yang mula-mula menghasilkan karya-karya yang berbau tempatan (Murasu Nedumaran, 1997).

Akhir sekali, pengkaji juga membataskan tema perbincangan kumpulan puisi Tamil tradisional yang dipilih. Keadaan ini perlu supaya terdapat pelbagai tema yang menjadi asas kepada sesuatu karya. Adalah rasional untuk menghadkan kepada dua tema iaitu agama Islam dan budaya Tamil dalam kumpulan puisi yang dipilih untuk kajian ini. Hal ini kerana fokus kajian yang menumpu kepada identiti sasterawan Tamil Muslim yang menganuti kedua-dua aspek iaitu agama Islam dan budaya Tamil dalam kehidupan





mereka. Oleh yang demikian, kumpulan puisi Mydee Sulthan akan digunakan untuk mengkaji unsur-unsur Islam manakala kumpulan puisi S. Seeni Naina Mohamed digunakan untuk mengkaji unsur-unsur budaya Tamil. Didapati hanya Mydee Sulthan yang menggunakan tema agama Islam dalam kumpulan puisi *Araṅkak Kavitaikaḷ* berbanding dengan S. Seeni Naina Mohamed yang lebih membincangkan budaya Tamil dalam kumpulan puisi *Tēṇ Kūṭu*. Pembahagian ini dilakukan supaya memudahkan perbincangan lanjut mengenai persoalan kedua dan ketiga dalam kajian ini.

1.8 Sumber Kajian



Sumber kajian ini, terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber ini dalam menjalankan penyelidikan tersebut.

1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber data yang diperoleh secara langsung dari sumber asli iaitu tidak melalui sebarang media perantara. Dalam kajian ini sumber yang dirujuk untuk memperoleh data primer ialah dua buah buku kumpulan puisi yang dihasilkan oleh Mydee Sulthan dan S. Seeni Naina Mohamed.





1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merupakan sumber data yang sedia ada atau idea yang diperolehi daripada mana-mana sumber yang digunakan semula untuk dibuat kajian. Data sekunder adalah data tambahan daripada sumber bertulis seperti surat khabar, ulasan atau kritikan mengenai artikel, jurnal, majalah, internet dan sebagainya. Data-data daripada sumber sekunder ini penting untuk dijadikan sebagai sokongan kepada sesuatu pernyataan dan mengukuhkan sesuatu keputusan. Kajian ini akan merujuk sumber sekunder seperti kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan artikel-artikel jurnal dan buku-buku sastera sejarah yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini.



1.9 Definisi Operasional

Tajuk kajian ini memerlukan beberapa definisi operasional beberapa perkataan supaya meneliti konsep sebenarnya. Antaranya adalah sumbangan, Tamil Muslim, kesusasteraan Tamil dan puisi Tamil tradisional Malaysia.





1.9.1 Sumbangan

Sumbangan ialah gabungan kata dasar ‘sumbang’ dengan imbuhan ‘-an’. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (harga ekonomi) yang diterbitkan pada tahun 2015, sumbangan membawa maksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, pertolongan atau sokongan yang diberikan. Carian dalam pautan Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, memberi maksud kepada sumbangan bahawa apa-apa yang diberikan sebagai bantuan, sokongan atau pertolongan. Didapati pelbagai sumber elektronik juga menyakatan definisi yang hampir sama kepada sumbangan. Dalam kajian ini, perkataan sumbangan akan dilihat dalam konteks bentuk-bentuk usaha golongan



05-Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Bentuk-bentuk usaha tersebut akan dikaji dari segi bidang yang mereka terlibat seperti percetakan akhbar dan majalah, penulisan puisi Tamil tradisional, cerpen Tamil dan novel Tamil.

1.9.2 Tamil Muslim

Menurut kamus Dewan edisi keempat yang diterbitkan pada tahun 2015, ‘Muslim’ membawa maksud orang yang beragama Islam. Tamil Muslim merupakan golongan Tamil yang manganuti agama Islam tetapi masih berkomunikasi dalam bahasa Tamil. Mereka berasal dari selatan India dan berhijrah ke Malaysia atas tujuan perdagangan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka (Wan Kamal Mujani, 2012). Penghijrahan



masyarakat Tamil Muslim ke Tanah Melayu yang lebih ketara dapat dilihat pada abad ke-19 (Azeezah Jameelah Mohamed Mohideen, 2012). Di Malaysia, mereka mengikuti masyarakat Melayu dari segi agama Islam tetapi mengikuti budaya dan bahasa seperti masyarakat Tamil. Kini mereka mula mengadaptasi dengan cara hidup pelbagai masyarakat di negara ini. Dalam kajian ini, golongan Tamil Muslim yang menjadi kumpulan sasaran utama ialah para sasterawan dan bukan sasterawan Tamil Muslim yang telah menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia.

1.9.3 Kesusasteraan Tamil Malaysia

Definisi ‘sastera’ berasal daripada bahasa sanskrit *castera*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat terbitan tahun 2015, susastera membawa maksud, seni yang menggambarkan keindahan bahasa seperti sajak, novel dan sebagainya. (Ke)susastera(an) Tamil adalah kumpulan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Tamil yang indah dan isinya yang baik. Tokoh sasterawan Malaysia Hashim Awang (1988) menyatakan bahawa sastera adalah ciptaan atau karya seni yang disampaikan melalui bahasa. Hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu bersandar pada zaman. Kesusasteraan Tamil Malaysia mempunyai sejarah yang agak lama iaitu sejak abad ke-19 dan telah melalui banyak arus perubahan sehingga kini.



1.9.4 Puisi Tamil tradisional Malaysia

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2015), puisi bermaksud karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain. Pendeta bahasa Za'ba berpendapat bahawa puisi ialah karangan berangkap khas yang digunakan untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah (Syed Naquib, 1981). Puisi juga memiliki ciri-ciri abstrak dan konkrit yang mempunyai hubungan erat dengan tema dan kesannya kepada pembaca (Arba'ie Sujud, 2008). Puisi tradisional pula merujuk kepada susunan perkataan dalam bentuk karangan atau suatu bentuk pengucapan dalam susunan yang istimewa seperti irama, ritma, rima, bait, larik dan bahasa yang padat (Harun Mat Piah, 2000). Menurut S. Seeni



05 Naina Mohamed, puisi Tamil tradisional merupakan khazanah sastra terulung dunia yang memiliki nilai-nilai sastra yang tertinggi dengan gaya bahasa yang sangat indah (Manonmani Devi, 2015). Dapat disimpulkan di sini bahawa puisi Tamil tradisional merupakan bentuk sastra Tamil yang tertua dan memiliki martabat sastra yang sangat tinggi dan masih berkembang khususnya di Malaysia. Dalam kajian ini, puisi Tamil tradisional yang dihasilkan oleh penyajak Tamil Muslim Malaysia akan menjadi sumber utama.





1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, penerangan kepada pengenalan kajian ini telah dibincangkan. Sejarah kesusasteraan Tamil, hubungan awal India dengan Tanah Melayu, penghijrahan orang India dan Tamil Muslim ke Tanah Melayu serta perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia telah dijelaskan dengan terperinci dalam bahagian latar belakang kajian. Dalam bahagian pernyataan masalah, perkara-perkara yang telah timbul sebagai isu dalam kajian ini telah diuraikan. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian telah ditentukan. Bahagian kepentingan kajian menjelaskan signifikasi-signifikasi yang akan diperoleh sekiranya kajian ini dijalankan. Oleh sebab skop kajian ini terlalu luas, beberapa batasan ditentukan supaya ianya lebih berfokus dan tidak lari dari landasannya. Sumber-sumber yang digunakan dalam kajian ini telah dinyatakan dan diikuti dengan definisi operasional yang diberi kepada beberapa perkataan supaya dapat memahami konsepnya dalam kajian ini.

Keseluruhannya, dalam bab ini penjelasan mengenai bahagian-bahagian penting telah diteliti supaya kajian ini tidak terpesong dari objektifnya. Demi memperoleh maklumat lanjut mengenai tajuk kajian proses meneliti buku-buku, kajian-kajian awal serta artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian perlu dilakukan sebagai langkah seterusnya.

